

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN**

**[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 18.5.2015 (ISNIN)**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apa sebabnya walaupun harga diesel yang dijual di stesen petrol adalah tanpa sebarang subsidi, harga diesel industri adalah lebih mahal daripada harga diesel di stesen petrol.

## **JAWAPAN:**

Pengapungan terkawal (*managed float*) merupakan kaedah penetapan harga diesel sektor runcit yang berdasarkan kepada perubahan kos produk petroleum di pasaran dunia. Dalam hal ini, kos produk petroleum dipengaruhi oleh kadar pertukaran mata wang dan harga purata harian produk petroleum di peringkat antarabangsa. Melalui pengapungan terkawal ini, purata perubahan kos produk bulan semasa akan menentukan penetapan harga bagi bulan berikutnya.

Manakala penetapan harga diesel sektor industri pula adalah lebih sensitif kepada perubahan-perubahan kepada kos produk petroleum, kadar pertukaran matawang. Kos operasi pengangkutan dan pemasaran juga mempengaruhi harga diesel sektor industri yang menyebabkan harga diesel adalah berbeza mengikut negeri atau wilayah. Selain daripada itu, jualan diesel industri melalui *skid tank* dikenakan GST pada kadar 6%.

Dalam hal ini, Kerajaan hanya mengawal harga jualan RON97, RON95 dan diesel untuk sektor runcit. Manakala harga jualan RON97, RON95 dan diesel untuk sektor industri pula ditetapkan oleh syarikat-syarikat minyak secara berasingan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
[ RAUB]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 56**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan yang diambil ke atas kontraktor yang lewat menyiapkan projek seperti yang dikeluarkan tender oleh KLIA yang berjumlah RM2 bilion ini dan siapakah kontraktor ini; dan
  
- (b) apakah tindakan yang diambil keatas pegawai dan juru runding yang menyumbang kepada "cost overruns" ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan yang diambil ke atas kontraktor yang lewat menyiapkan projek adalah mengenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD). Dalam hal-hal ini, pihak MAHB dalam proses perundingan bersama kontraktor utama JV UEM-Binapuri tentang pembayaran jumlah tersebut.

Sebenarnya, projek klia2 tidak pernah mengalami *cost overrun* – kos projek KLIA2 meningkat kerana penambahan skop akibat *design concept* baru KLIA2 ataupun keperluan terperinci *stakeholder* seperti syarikat penerbangan dan kerajaan.

Mana-mana kontraktor ataupun jururunding yang tidak mencapai tahap prestasi yang dikehendaki maka kontrak tersebut akan diberhentikan mengikut terma dan syarat kontrak tersebut.